

## 5G: Era internet masa depan

[Muhamad Lokman Khairi](#)

[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad (empat dari kanan) merasmikan Menara Telekomunikasi Kota Tampan pada 8 September lalu. FOTO IHSAN DIGITAL PERAK.

Ipoh: Perak kini memiliki 413 struktur telekomunikasi dengan pemancar rangkaian 5G yang menjanjikan pemindahan data lebih pantas, ketumpatan sambungan lebih tinggi dan latensi yang jauh lebih rendah.

Latensi adalah masa yang diperlukan untuk data dipindahkan antara sumber asal ke destinasi yang diukur dalam milisaat.

Lebih rendah latensinya bermakna lebih pantas pemindahan data dan lebih baik pengalaman pengguna.

Itu adalah sebahagian tanggungjawab Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) yang berperanan khusus memacu pembangunan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi digital di negeri itu sejak penubuhannya pada 2015.



## Berita menarik menerusi E-Mel setiap pagi

Nama

Alamat E-mel

[Daftar Sekarang](#)

Dengan melanggan, anda bersetuju dengan Terma Penggunaan dan Polisi Privasi

### Disyorkan

- [1,377 stesen pemancar di Kedah dinaik taraf](#)
- [Kerajaan negeri bincang dengan syarikat telekomunikasi isu liputan Internet](#)
- [Masa depan dunia](#)
- [Tingkat liputan 4G di Sarawak, Julau antara kawasan tumpuan](#)

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir berkata, sehingga suku kedua tahun ini terdapat 2,036 struktur telekomunikasi yang beroperasi di seluruh Perak dengan capaian liputan mudah alih 4G mencapai sasaran 97.38 peratus di kawasan berpenduduk di negeri itu.

"Ia termasuk struktur telekomunikasi di kawasan luar bandar melalui inisiatif Pelan Jendela Digital Negara (Jendela).

"Daripada sejumlah 2,036 struktur telekomunikasi sedia ada itu, sebanyak 413 struktur sudah ditempatkan antena pemancar 5G dan mempunyai liputan 5G.

ADVERTISING

Adakah anda pernah melihat iklan jenama susu tepung Fernleaf dalam talian baru-baru ini?

Ya

Tidak

Tidak pasti

LANJUT

"Selain itu, 81 struktur telekomunikasi baharu yang dirancang pembinaan di bawah perluasan 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB)," katanya.

Menurut beliau, Digital Perak adalah agensi yang menyelaras segala permohonan berkaitan pembangunan berkenaan terutamanya pembinaan pencawang telekomunikasi.

"Perancangan penempatan struktur telekomunikasi baharu dilaksanakan secara terus oleh pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi dengan bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Ini meliputi perancangan bagi menyelesaikan isu ketiadaan liputan di kawasan perluasan sedia ada (*Coverage Loop Hole*), aduan penduduk dan maklum balas daripada pemimpin setempat.




"Digital Perak turut memainkan peranan dengan memberikan maklum balas berkaitan perancangan ekonomi kerajaan negeri bagi kawasan pendudukan baharu termasuk perancangan kawasan industri baharu, tempat tumpuan pelancong dan kawasan sedia ada yang dilaporkan menghadapi masalah liputan," katanya.

Mohamad Suhaimi menjelaskan, manfaat ketersediaan liputan internet meluas itu akhirnya dinikmati rakyat melalui aktiviti ekonomi digital serta penambahan mutu komunikasi.

Digital Perak adalah antara peneraju utama flagship Ekonomi Digital dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan ilham Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad bertujuan memacu pembangunan sosieekonomi yang mapan, inklusif dan dinamik.

Disiarkan pada: November 22, 2023 @ 6:40am



## Berita menarik menerusi E-Mel setiap pagi


Nama

Alamat E-mel

[Daftar Sekarang](#)

Dengan melanggan, anda bersetuju dengan Terma Penggunaan dan Polisi Privasi

### Berita Berkaitan



**MUTAKHIR** Nov 30, 2021 @ 2:18pm

**Liputan 4G di Terengganu meningkat 94.71 peratus**




**MUTAKHIR** Apr 18, 2017 @ 4:23am

**Sinaran RF 700 pemancar berdaftar selamat**



**MUTAKHIR** Jan 28, 2022 @ 8:14pm

**SKMM diarah tingkatkan capaian internet pada PRN Johor**



**MUTAKHIR** Apr 29, 2021 @ 12:08pm

**742 menara telekomunikasi dibangunkan di Sarawak**